

Newspaper

Berita Harian

Date

11 February 2016

# PM ke Sidang Kemuncak Pemimpin AS-ASEAN

BH- 11/2/2016

» Mesyuarat di Amerika Syarikat bincang perkongsian kerjasama serantau

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mengadakan lawatan kerja ke Amerika Syarikat (AS) bermula hari ini hingga 17 Februari ini.

Kementerian Luar, dalam satu kenyataan semalam, berkata dalam lawatan itu Najib akan diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

"Kemuncak lawatan kerja itu adalah penyertaan Perdana Menteri di Sidang Kemuncak Pemimpin AS-ASEAN di Sunnylands, California, pada 15 dan 16 Februari ini," katanya.

Sidang Kemuncak Pemimpin AS-ASEAN di Sunnylands adalah atas jemputan Presiden Barack Obama ketika beliau menyertai Sidang Kemuncak ASEAN-AS di Kuala Lumpur pada 21 November tahun lalu.

## Dua sesi perbincangan

"Sidang Kemuncak Pemimpin AS-ASEAN membabitkan dua sesi, iaitu perbincangan mengenai langkah mempromosi Komuniti Ekonomi ASEAN yang bercirikan inovasi dan keusahawanan serta perbincangan isu berkaitan keamanan, kemakmuran dan keselamatan di rantau Asia Pasifik.

"Tujuan sidang kemuncak itu adalah untuk meraikan peningkatan taraf hubungan dialog ASEAN-AS kepada perkongsian strategik dan sebagai wadah untuk pemimpin ASEAN serta AS bertukar panda-

ngan terutama mengenai kerjasama serantau dan antarabangsa," katanya.

Kenyataan itu juga menyebut, pada akhir sidang kemuncak berkenaan, pemimpin dijangka mengeluarkan satu dokumen yang menekankan

“**Tujuan sidang kemuncak itu adalah untuk meraikan peningkatan taraf hubungan dialog ASEAN-AS kepada perkongsian strategik dan sebagai wadah untuk pemimpin ASEAN serta AS bertukar pandangan terutama mengenai kerjasama serantau dan antarabangsa**”

**Kenyataan Kementerian Luar**

dasar yang dipersetujui dalam memajukan hubungan dialog di bawah perkongsian strategik yang baharu.

## Mesyuarat meja bulat

Ketika lawatan itu, Perdana Menteri juga akan mengadakan mesyuarat meja bulat dengan pengurus dana, bertemu dengan kapten industri serta melawat Apple Inc dan TESLA Motors di San Francisco.

Selain itu, Najib juga akan mengadakan perjumpaan dengan rakyat dan pelajar Malaysia di Los Angeles.

Menurut Wisma Putra, Malaysia dan AS menikmati hubungan dua hala yang rapat dalam bidang kerjasama utama termasuk politik, ekonomi, pertahanan dan keselamatan.

Jumlah dagangan dua hala AS-Malaysia antara Januari hingga November 2015 mencecah AS\$30.24 bilion (RM125 bilion), meningkat 10.6 peratus berbanding tempoh sama pada 2014, dengan eksport bernilai AS\$17.20 bilion (RM71 bilion) dan import bernilai AS\$13.04 bilion (RM54 bilion).